

Merungkai Seni Teater Tradisional Makyung: Sejarah 400 Tahun Lampau Serta Pengiktirafan UNESCO

Muhammad Firdaus Mohammed Azanan
Karine Michelle Magros Tan
Aniza Jamaludin
Hanis Diyana Kamarudin

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Makyung diklasifikasikan sebagai seni teater tradisional masyarakat Melayu yang telah wujud empat ratus tahun yang lampau dan asal usulnya bermula di Istana Melayu Pattani serta mula berkembang terutamanya di negeri Kelantan. Persembahan Makyung telah menggabungkan tiga elemen utama iaitu tari, nyanyi, dan lakon dimana setiap watak memainkan peranan masing-masing dalam sebuah cerita tersebut. Namun begitu, masyarakat majmuk pada hari ini masih lagi tidak mengenali Makyung secara lebih mendalam. Selain itu, terdapat beberapa masalah antaranya jurang dalam sastera menyebabkan seni teater ini mulai tenggelam. Walau bagaimanapun, pada tahun 2005, Makyung telah diangkat sebagai warisan seni budaya antarabangsa disebabkan persembahan Makyung telah memukau mata masyarakat serta memberi nilai moral kepada negara. Di dalam artikel ini, kami telah menjalankan kaedah kualitatif dimana menemu bual Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan yang mempunyai pengalaman lebih sembilan belas tahun dalam industri ini. Secara noktahnya, seni teater tradisional ini telah banyak memberikan kepentingan dan sumbangan antaranya menyemai nilai moral kepada masyarakat, meningkatkan kualiti seni warisan dan memperkembangkan seni kebudayaan kepada masyarakat setempat.

Kata kunci: *Makyung, Seni teater tradisional, Pakyung, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara Kelantan, UNESCO*

ABSTRACT

Makyung is classified as traditional Malay theatre art that has been around for four hundred years ago. These origins began in Pattani Malay palace and began to grow, especially in Kelantan. Makyung's performance has combined three main elements, namely dance, singing, and acting, where each character plays their respective roles in a story. However, plural society still does not know Makyung more deeply. Besides, there are some gaps found in the literature whereby this theatre art began to sink. However, in 2005, Makyung was elevated as an international cultural and artistic heritage because Makyung's performance has mesmerized the community and given moral value to the country. The Director of the Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Kelantan, who has more than nineteen years of experience in this industry, has been interviewed. In short, this traditional theatre art has given a lot of importance and contribution, including instilling moral values to the community and improving the quality of heritage art and culture to the local community.

Keyword: *Makyung, Traditional theater art, Pakyung, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara Kelantan, UNESCO*

PENGENALAN

Makyung berasal dari Istana Melayu Patani lebih kurang 400 tahun yang lampau dan mula tersebar ke negeri di timur semenanjung (Mohamed Ghouse, 2009). Makyung merupakan sebuah persembahan seni teater tradisional yang begitu unik sekali dan bukannya sekadar sebuah tarian. Ramai diantara kita yang salah faham dalam mendefinisikan Makyung menyebabkan masyarakat tidak berasa teruja untuk mengenali lebih jauh salasilah Makyung. Seni teater tradisional ini juga telah menggabungkan unsur-unsur seperti tari, muzik, dan drama yang dipentaskan secara teater keliling. Menurut Mathew (2001) terdapat enam elemen alat muzik seperti tawak, gendang ibu dan gendang anak, canang, kesi, serunai, dan juga rebab dipersembahkan. Selain itu, para pelakon Makyung perlulah juga mahir dalam empat belas pergerakan asas bagi tarian Makyung yang bersifat simbolik kepada persembahan tersebut. Antara watak-watak penting dalam persembahan Makyung adalah Pakyung, Pakyung Muda, Makyung, Puteri Makyung, Peran, dan Dayang-dayang Istana. Tidak ketinggalan juga watak antagonis seperti Raja Jin yang merupakan pihak lawan kepada watak-watak baik. Seterusnya, seni teater

tradisional Makyung telah dipentaskan di peringkat antarabangsa dan seterusnya mendapat pengiktirafan antarabangsa pada tahun 2005 apabila UNESCO mengiktiraf sebagai satu karya agung warisan (Kumar, 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Ramai di antara masyarakat Malaysia masih tidak memahami tentang seni teater tradisional Makyung menyebabkan mereka tidak berminat untuk mengetahui sejarah dan peranan seni warisan ini. Oleh yang demikian, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh beberapa buah universiti tempatan tetapi, kajian ini menjadi terhad disebabkan persembahan Makyung telah wujud 400 tahun yang lampau serta lahir di istana Melayu-Pattani dan bukannya di negara Malaysia. Berdasarkan kepada kajian lepas Chong dan Mohammad Affiq (2018), terdapat jurang dalam kesusasteraan yang menyebabkan dokumentasi tersebut tidak berapa lengkap dan tidak menjawab kepada soalan penyelidikan. Oleh sebab itu, ramai bertanggapan bahawa Makyung adalah persembahan yang berkaitan ritual, memuja roh atau jin, dan sebagai medium perubatan tradisional menyebabkan ianya tidak diterima oleh masyarakat setempat (Wan Ismail, 1999).

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengkaji sejarah serta peranan seni teater tradisional Makyung.
- ii. Untuk mengenalpasti alat-alat muzik yang dimainkan di dalam persembahan Makyung.
- ii. Untuk mengenal watak utama dan antagonis di dalam persembahan Makyung.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah sejarah dan peranan seni tradisional Makyung ini terutamanya kepada masyarakat Malaysia yang masih beranggapan bahawa Makyung adalah sebuah tarian dan mengamalkan hal-hal ritual?

- ii. Bagaimanakah alat-alat muzik di dalam persembahan Makyung dimainkan dan fungsi sebenar kepada seni teater tradisional tersebut?
- iii. Siapakah watak-watak utama dan juga watak antagonis di dalam persembahan Makyung?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan kajian dalam seni teater tradisional Makyung. Antara kepentingannya ialah untuk mengenali persembahan Makyung secara lebih mendalam dari segi sejarah, watak, alat muzik, nyanyian, struktur tarian, pakaian, cerita-cerita Makyung, cabaran yang dihadapi oleh pemain Makyung dan kesenian teater Makyung, serta sumbangan dan kepentingannya kepada negara Malaysia. Kajian ini amatlah bernilai untuk dijalankan oleh pengkaji agar maklumat yang lebih tepat dapat diperolehi dan kesenian teater Makyung dapat dipelajari secara lebih mendalam. Ini adalah kerana tidak ramai masyarakat di Malaysia ini tahu mengenai seni Makyung terutamanya generasi muda pada masa kini yang mudah dipengaruhi dengan budaya Barat dan juga pengaruh media sosial. Oleh yang demikian, persembahan Makyung kini hampir dilupakan oleh sesetengah masyarakat. Selain itu, kajian ini amat penting untuk mengetahui mengenai sumbangan persembahan Makyung kepada negara Malaysia. Dari segi sumbangan kajian ini pula, pengkaji akan mendapat maklumat yang terbaharu melalui temubual bersama tokoh yang dipilih dan berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Seterusnya, pengkaji juga akan mengkaji tentang kesenian teater Makyung secara lebih mendalam dan seterusnya ia akan memberikan pendedahan ilmu kepada para pengkaji tentang kesenian teater Makyung.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Haron (2013), kesenian teater Makyung ini merupakan gabungan tarian, lakonan dan nyanyian yang digayakan dengan muzik vokal, instrumental, lagu, cerita dan teks, percakapan yang formal dan bersahaja. Haron (2013) juga mengatakan bahawa Makyung dipersembahkan sebagai hiburan dan juga sebagai upacara perubatan. Haron (2013) ada menyatakan bahawa persembahan ini dipertontonkan terutamanya di Terengganu, Pattani, Kelantan, Kedah, Perlis serta di Kepulauan Riau, Indonesia. Menurut Muhammad Saiful, Noorhanisah dan Puteri Roslina (2013), drama tari

Makyung berasal dari Pattani dan kemudiannya dibawa masuk ke Kelantan lebih kurang 200 tahun dahulu. Kamarul Helmy (2017) ada berkata bahawa persembahan Makyung ini dipercayai telah wujud sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu. Oleh itu, persembahan Makyung ini telah sekian lama wujud di Malaysia.

Seterusnya, menurut Ghulam (1976) terdapat dua belas cerita utama dalam persembahan Makyung. Antaranya ialah 'Dewa Muda', 'Dewa Pecil atau Dewa Semadaru', 'Dewa Sakti atau Raja Sakti', 'Dewa Indera - Indera Dewa' dan 'Anak Raja Gondang' yang disampaikan bersama cerita 'Bongsu Sakti dan Bijak Laksana'. Setiap dua belas cerita tersebut mempunyai jalan cerita yang berbeza namun, ia juga memberi pengajaran dan nilai-nilai moral kepada para penonton. Menurut Habshah (1999), persembahan Makyung ini mempunyai watak-watak yang akan dimainkan oleh pemegang watak seperti watak Pakyung, Pakyung Muda, Makyung, Puteri Makyung, Peran dan Dayang-dayang. Oleh itu, pemegang watak-watak tersebut akan memainkan peranannya dalam melakukan persembahan Makyung di dalam setiap cerita-cerita yang akan dimainkan di atas pentas.

Buktinya Muhammad Saiful, Noorhanisah dan Puteri Roslina (2013) ada menyebut pada akhir 1960-an, sudah tidak banyak lagi kumpulan Makyung yang wujud disebabkan kurangnya masyarakat yang berminat untuk mempelajari seni persembahan teater tradisional ini. Mereka juga mengatakan bahawa seni persembahan Makyung telah diiktirafkan oleh UNESCO sebagai warisan kesenian Malaysia dan tidak ketara pada 25 November 2005. Oleh itu, warisan kesenian teater Makyung masih lagi bergiat di Malaysia sehinggalah pada masa kini.

Penyelidik mendapati beberapa kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang lepas berkaitan dengan persembahan Makyung. Berdasarkan kajian Habsah (1999) iaitu 'Makyung Kelantan: Satu Kajian Estetika Seni', seni persembahan Makyung sebagai sebuah teater tradisional yang mempunyai keunikannya tersendiri dan keunikan persembahan. Makyung ini disifatkan sebagai seni persembahan yang amat menarik kerana ia mempunyai nilai-nilai estetika seni yang unik sehingga menimbulkan pelbagai keindahan yang lain. Kajian ini juga telah dilakukan untuk memberi pendedahan dan pendidikan awal berhubung dengan nilai-nilai estetika dalam persembahan Makyung di negeri Kelantan.

Menurut Rosdeen (2005) dalam kajian 'Peran Makyung: Pelakon dan Watak', peran Makyung merupakan pelawak yang sangat penting dalam persembahan Makyung dan sifat peran Makyung yang menghiburkan ini mengandungi elemen-elemen seperti lakonan, pakaian, solekan, dan set prop. Beliau juga telah membuat perbandingan fungsi peran dalam dua persembahan Makyung, iaitu Makyung biasa dan Puteri Makyung. Beliau juga telah mendapati bahawa peran mempunyai pelbagai fungsi yang lain seperti pengasuh, hamba atau pesuruh. Pakaian peran terdiri daripada baju pagoda, kain pelikat, samping, baju potong siam, seluar longgar, dan kain batik lepas. Namun begitu, busana peran ini boleh diubahsuai mengikut kreativiti-kreativiti pelakon yang memainkan watak peran tersebut. Selain itu, peran juga mempunyai prop tangan sendiri, iaitu golok yang diperbuat daripada papan atau kayu yang berfungsi seperti parang biasa.

Mohd. Ghazali (2009) dalam kajian Mak Yong dalam bentuk teater: Meneliti aspek pengarahan Anak Raja Gondang oleh Norzizi Zulkifli'. Kajian tersebut mengenai pemerhatian beliau terhadap persembahan Makyung iaitu 'Anak Raja Gondang' diarahkan oleh Norzizi Zulkifli yang merupakan seorang pengarah dalam persembahan Makyung. Beliau telah mengkaji berdasarkan pemerhatian beliau terhadap persembahan Makyung iaitu 'Anak Raja Gondang' yang diarahkan oleh Norzizi Zulkifli dari aspek pengarahan dan juga pengurusan persembahan tersebut. Selain itu juga, pengkaji tersebut melihat cara-cara pementasan yang telah dilakukan oleh pengarah dan pelakon-pelakon persembahan Makyung dari aspek tata cahaya, set prop, pakaian, pentas, dan juga audio-visual yang digunakan.

Seterusnya, menurut Mohd Effindi (2012) dalam kajian 'Teater Melayu Makyung: Kajian Kreativiti Koreografi'. Beliau telah menjalankan kajian tentang kreativiti koreografi dalam persembahan Makyung dan beliau juga telah membuat perbandingan di antara seni persembahan Makyung dengan seni persembahan Mek Mulung. Menurut beliau, Makyung dan Mek Mulung telah disaksikan sebagai corak penggubahan dalam koreografi yang menunjukkan nilai-nilai perlambangan dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, hanya persembahan Makyung sahaja yang dilihat mempunyai corak penggubahan secara keseluruhannya.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang lepas merupakan kajian yang telah lama dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Namun begitu, kami telah

mendapati bahawa kajian-kajian yang lepas mengandungi maklumat yang lama dan tidak ramai pengkaji yang mengkaji kajian tentang persembahan Makyung ini. Oleh itu, kami sebagai pengkaji ingin membuat kajian mengenai persembahan Makyung dan kajian yang akan dilakukan adalah berbeza dengan kajian yang lepas kerana kami akan mendapatkan maklumat-maklumat pada masa kini berdasarkan kepada objektif kami.

METODOLOGI

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007), sejarah lisan merupakan satu kaedah di mana kenangan-kenangan seorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang pernah menyumbang kepada negara ataupun sejarah dari segi penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya dicatatkan dan selepas itu, catatan akan disemak dan ditranskripsikan semula untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan oleh para pengkaji. Sejarah lisan dalam kajian ini dapat memberikan maklumat yang penting dan juga bertujuan untuk menghayati cerita-cerita yang disampaikan secara lisan oleh tokoh yang telah dipilih oleh pengkaji. Kajian ini juga memerlukan persediaan yang awal dengan mengikuti proses secara berperingkat dari peringkat awal sehinggalah ke peringkat yang terakhir agar isi kandungannya tersusun dan mengikut perancangan yang ditetapkan.

Sebelum kajian temubual ini dilaksanakan, pengkaji telah menggunakan saluran media sosial untuk mencari dan menghubungi tokoh seperti laman web rasmi Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Kelantan, Instagram dan juga Facebook. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji lebih mudah untuk menghubungi tokoh tersebut serta mendapatkan serba sedikit latar belakang tokoh sebelum sesi temubual ataupun wawancara diadakan. Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian secara aplikasi di atas talian untuk mengadakan temubual iaitu *Google Meet*. Temubual sejarah lisan ini dilaksanakan oleh pengkaji bersama tokoh yang dipilih iaitu, Encik Rosnan bin Abdul Rahman. Beliau merupakan seorang Pengarah Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan. Beliau juga merupakan pemain Makyung dengan melibatkan diri dalam persembahan Makyung yang berpengalaman. Selain daripada itu,

beliau turut berkongsi pengalaman sebagai seorang pemain Makyung dan juga telah membuka mata pengkaji dalam dunia kesenian teater Makyung. Di samping itu, beliau pernah pergi ke luar negara seperti Perancis, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan negara Eropah untuk membuat persembahan dan tarian Makyung. Selain itu, beliau juga pernah membuat persembahan Makyung di Ibu Pejabat UNESCO [*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*] di Paris, Perancis.

Seluruh dunia masih lagi di dalam situasi pandemik dan kebanyakan kajian akademik terjejas disebabkan oleh pandemik *COVID-19*. Namun, pengkaji tetap masih meneruskan kajian ini dengan menggunakan inisiatif secara atas talian bersama Encik Rosnan bin Abdul Rahman melalui platform *Google Meet* kerana ianya lebih mudah dan sesuai digunakan untuk sesi wawancara. Keadaan pandemik ini bukanlah satu halangan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian kerana terdapat pelbagai alternatif lain yang boleh diguna pakai untuk menjalankan kajian. Semasa menjalankan sesi temubual dalam *Google Meet*, pengkaji telah mengumpulkan maklumat-maklumat iaitu jawapan atau respon yang telah diberi oleh Encik Rosnan melalui sesi soal jawab mengenai latar belakang beliau, sejarah persembahan Makyung, pakaian, alat muzik, watak-watak dalam persembahan Makyung, tarian Makyung, cerita-cerita Makyung, dan sebagainya yang berkaitan dengan persembahan Makyung tersebut.

HASIL KAJIAN

Sejarah Makyung

Persembahan Makyung ini berasal daripada Kerajaan lama Pattani yang dikenali sebagai Selatan Thailand pada masa kini. Pada suatu ketika dahulu, persembahan Makyung telah berkembang ke negeri Kelantan, negeri Kedah dan negeri Terengganu. Dalam sejarah pada umumnya, Makyung telah wujud 400 tahun yang lalu. Di dalam persembahan Makyung, mereka menggunakan dialog Melayu Pattani Kelantan. Persembahan Makyung pada masa dahulu dipersembahkan di hadapan seorang Raja di dalam sebuah istana sebagai hiburan sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu pada masa ketika itu. Persembahan itu juga diadakan secara terbuka dalam bentuk sebuah arena dan ditonton oleh rakyatnya pada masa dahulu sebagai hiburan.

Walau bagaimanapun, pada hari ini persembahan Makyung dipersembahkan di atas pentas yang lebih luas seperti di Istana Budaya.

Pakaian Makyung

Menurut Rosnan (2020), pada masa zaman dahulu, pemain Makyung hanya menggunakan pakaian yang sangat sederhana dan kainnya yang berwarna hitam. Berbeza dengan cara pemakaian pemain Makyung pada masa sekarang yang menggunakan kain berwarna jingga dan merah serta menggunakan aksesori. Beliau juga mengatakan bahawa warna-warna pakaian pemain Makyung bergantung kepada konsep ataupun tema persembahan Makyung. Beliau menerangkan bahawa watak Pakyung akan menggunakan setanjak atau dikenali sebagai Mahkota Pakyung, lapik dada, gelang tangan, cekak tangan dan juga bengkung. Tambahan pula, aksesori seperti keris juga akan digunakan dalam persembahan Makyung.

Muzik

Peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan Makyung ialah tetawak, canang, serunai, gendang ibu, gendang anak, rebab, kesi, gedombak, geduk dan juga gong. Peranan peralatan muzik tersebut akan digunakan untuk menyokong persembahan Makyung berdasarkan kepada ketiga-tiga elemen iaitu nyanyian, lakonan dan muzik. Tanpa peralatan muzik ini, persembahan itu tidak akan berjalan secara langsung. Semasa pembukaan persembahan Makyung, watak Pakyung akan membuka tirai dengan menyanyikan lagu mengadap rebab.

Struktur Persembahan Makyung

Menurut Rosnan (2020), struktur persembahan Makyung tidak boleh diubah kerana ia sudah ditetapkan. Beliau juga mengatakan bahawa struktur persembahan Makyung tersebut dari dahulu lagi ia akan dimulakan dengan muzik. Mengadap rebab adalah yang paling utama dalam persembahan Makyung kerana ia dianggap sebagai nadi kepada persembahan tersebut. Tarian mengadap rebab hanya ditarikan oleh Pakyung, Makyung, anak-anak raja, watak Inang-inang dan Dayang-dayang istana. Peran ataupun pengasuh dan juga watak-watak lain tidak menari tarian mengadap rebab.

Watak-watak Makyung

Menurut Rosnan (2020), watak-watak pemain Makyung adalah terdiri daripada watak utamanya iaitu Pakyung (Raja), Makyung (Permaisuri), Pakyung Muda, Puteri, pengasuh tua, pengasuh muda dan diikuti dengan watak sampingan yang lain seperti Inang, Dayang Istana, Wak Petanda Raja dan lain-lain. Beliau juga mengatakan bahawa watak antagonis seperti jin dan gergasi juga turut serta dalam persembahan Makyung tetapi ia bergantung kepada cerita-cerita yang akan dipersembahkan. Setiap watak-watak tersebut memainkan peranannya sendiri semasa di atas pentas.

12 Cerita Makyung

Menurut Rosnan (2020), persembahan Makyung mempunyai 12 cerita yang dipersembahkan oleh pemain Makyung. Antara cerita-cerita utama yang dipersembahkan dalam persembahan Makyung ialah, 'Dewa Sakti', 'Indera-Indera Dewa', 'Tejeli', 'Anak Raja Gondang', 'Raja Gading Bertingai', dan sebagainya. Kebanyakan cerita-cerita Makyung ini mengandungi unsur-unsur nasihat dan pengajaran yang baik kepada penonton yang menyaksikan persembahannya.

Ringkasan Cerita Makyung

Semasa temu bual, Encik Rosnan telah menceritakan satu cerita ringkas tentang 'Anak Raja Gondang'. Seorang anak raja yang dikenali sebagai Raja Senanya pergi ke hutan untuk memburu bersama Pengasuh Tua dan raja tersebut mempunyai seorang isteri, iaitu Puteri Gerak Petera yang sedang mengandung. Apabila Raja Senanya tidak jadi pergi memburu kerana tiada sebarang binatang pun dilihat di dalam hutan dan mereka lalu pergi balik ke istananya. Selepas Raja Senanya balik ke istana, dia dimaklumkan bahawa isterinya telah melahirkan seorang bayi. Apabila dia melihat anaknya didalam gendongan Mak Inang, raja tersebut menjadi sangat marah dan lalu menghalau isterinya dari istana kerana anaknya itu adalah anak Siput Gondang. Puteri Gerak Petera pergi ke hutan membawa anaknya dan dia mendapat perlindungan dari Wak Patih Jenang. Selepas itu, anak Siput Gondang lalu menetas daripada Siput Gondang dan keluar menjadi seorang budak yang mempunyai elok rupa. Apabila anak Siput Gondang sudah membesar, dia telah berjumpa dengan Raja Senanya dan lalu raja tersebut

mengambil anak Siput Gondang sebagai anak angkatnya. Raja itu tidak tahu bahawa anak Siput Gondang adalah anak kandungnya sendiri.

Kesenian Teater Makyung Kembali dipersembahkan di Negeri Kelantan

Menurut Rosnan (2020), beliau telah memberitahu bahawa Kesenian Teater Makyung ini kembali dipersembahkan di negeri Kelantan pada 9 Mei 2019 dan persembahan tersebut dinilai semula kepada penilai yang dianggotai panelnya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan [MAIK] dan juga Mufti Negeri Kelantan [Jabatan Mufti Negeri Kelantan]. Persembahan Makyung mematuhi syariah dan cerita-cerita Makyung tersebut dirombak berlandaskan kepada patuhan syariat. Watak-watak seperti jin, bomoh, dukun dan sebagainya tidak ada di dalam persembahan Makyung. Cerita-cerita tersebut diolah dengan menampilkan unsur-unsur nasihat dan juga dakwah kepada penonton. Sebelum ini terjadi, kesenian teater Makyung pernah diharamkan di negeri Kelantan pada tahun 1991 kerana pada masa itu, kerajaan PAS [Parti Islam Se-Malaysia] telah mengambil alih pemerintahan di negeri tersebut. Beliau juga mengatakan bahawa jawatankuasa adat istiadat dan juga agama telah mengambil keputusan untuk mengharamkan persembahan Makyung berdasarkan kepada mufti di negeri Kelantan. Antara beberapa faktor persembahan Makyung diharamkan adalah ia dipercayai mempunyai elemen ritual iaitu elemen khurafat, persembahan Makyung menampilkan wanita-wanita yang mendedahkan aurat di pentas, dan berlakunya percampuran lelaki dan perempuan dalam persembahan.

Pengalaman Sebagai Pemain Makyung

Menurut Rosnan (2020), sebagai pemain Makyung, mereka perlu menguasai dalam bidang nyanyian, lakonan dan juga menari untuk menjadi pemain Makyung yang profesional. Penggiat Makyung juga akan dilatih oleh guru-guru yang mengajar membuat persembahan Makyung tersebut seperti di ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan]. Tambahan beliau, pemain perlu lebih bertenaga dan berdisiplin di atas pentas mahupun di belakang pentas. Beliau juga turut mengkongsikan pengalaman beliau pada mulanya beliau menyertai persembahan Makyung melalui latihan seperti vokal, tarian dan juga berlakon serta membaca skrip sehingga beliau menjadi pemegang watak Pakyung.

Dalam hasil kajian ini, pengkaji akan menjadikan ia sebagai sumber rujukan utama berkaitan dengan kesenian teater Makyung kepada penyelidik di masa hadapan ataupun dari generasi ke generasi yang akan datang.

KESIMPULAN

Akhirul Kalam, kajian sejarah lisan ini telah banyak memberi peluang kepada pengkaji untuk mengenali sejarah seni warisan budaya di Malaysia iaitu persembahan Makyung dan menemu bual Encik Rosnan bin Abdul Rahman sebagai tokoh yang berpengalaman dalam seni persembahan Makyung ini. Beliau sudi untuk di temubual dan banyak membantu pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Persembahan Makyung pada masa kini hampir pupus disebabkan pengaruh budaya luar yang mempengaruhi anak-anak muda sehingga melupakan budaya tempatan yang telah wujud beratus tahun dahulu. Penulisan ini membincangkan mengenai pengenalan tentang persembahan Makyung, objektif kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, kajian literatur, kepentingan dan sumbangan kajian, metodologi kajian dan hasil kajian untuk melaksanakan dan menjayakan kajian sejarah lisan ini. Pengkaji juga berharap bahawa penulisan ini dapat memberikan maklumat yang berguna kepada cendekiawan, pembaca, pengkaji, masyarakat dan juga membantu untuk memahami konsep persembahan sebenar seni teater tradisional Makyung ini.

RUJUKAN

- Chong, L. S., & Mohammad Affiq Kamarul Azlan. (2018). *Surviving Kelantanese Makyung*. UMK Press.
- Faisal Asyraf. (2019, March 13). Mak Yong boleh dipersembahkan di kelantan tapi dengan syarat. Retrieved December 13, 2020, from <https://www.malaysiakini.com/hiburan/467723>.
- Ghulam Sarwar Yousof. (1976). *The Kelantan Makyung dance theatre : A study of performance structure*. University of Hawaii.
- Habshah Mohd Noordin. (1999). *Makyong Kelantan: Satu kajian estetika seni/Oleh Habshah binti Mohd Noordin (Doctoral dissertation, Universiti Malaya)*.
- Haron Daud. (2013). *Tradisi lisan dan pelancongan di Malaysia: Satu saranan*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan: Universiti Malaysia Kelantan.

- Kamarul Helmy. (2017, April 05). Tarian Makyong. Retrieved December 13, 2020, from https://upm.edu.my/berita/tarian_makyong-31083.
- Kumar, D. (2020, April 19). Mak Yong, one of Malaysia's oldest dance theatre and a UNESCO 'masterpiece'. Retrieved December 22, 2020, from <https://www.thestar.com.my/lifestyle/culture/2020/04/16/journey-to-the-heart-of-mak-yong-territory-in-kuala-besut-in-pusaka039s-new-video-series>.
- PusatKajian Sejarah Lisan. Sejarah lisan. (2007). Retrieved January 12, 2021, from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- Mathew, D. D. (2001, Sep 07). Wagner and makyong: [2 Edition]. *Business Times*. Retrieved from <http://search.proquest.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/newspapers/wagner-makyong/docview/266817174/se-2?accountid=42518>.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (1994). Tarian Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghazali Abdullah. (2009). Mak Yong dalam bentuk teater: Meneliti aspek pengarahan anak Raja Gondang oleh Norzizi Zulkifli. *Jurnal Melayu*, 4.
- Mohd Effindi Samsuddin. (2012). Teater melayu makyung : Kajian kreativiti koreografi. Tesis Phd. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Melayu.
- Muhammad Saiful Haq Hussein, Noorhanisah Abdul Aziz & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2013). Konsepologi dalam terminologi makyung. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal Of Malay Studies (JOMAS)*, 24(1), 158-185. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9630>.
- Rosdeen Suboh. (2005). Peran Makyung : Pelakon dan watak. Tesis sarjana. Pusat Kebudayaan, Universiti Melayu.
- Rosnan. (2020, November 20). Personal interview [Personal interview].
- Wan Ismail Wan Jusoh. (1999). Koleksi ucapan rasmi YAB Tuan Guru Dato'Nik Abdul Nik Mat, Kota Bharu: Dian Darulnaim.